

# **Aliran Syi'ah di Nusantara: Perkembangan, Pengaruh dan Kesan**

**Oleh**

**Wan Z. Kamaruddin Wan Ali**

## **Pendahuluan**

Artikel ini merupakan suatu kajian bertujuan untuk mengetahui perkembangan aliran pemikiran (mazhab) Syi'ah di Nusantara secara khusus. Kajian ini juga turut menyelidiki pengaruh dan kesan pemikiran Syi'ah kepada umat Islam di rantau ini dan kawasan-kawasan sekitarnya.

## **Kedatangan Syi'ah ke Nusantara**

Berhubung dengan kedatangan Syi'ah ke Nusantara secara khusus, data-data sejarah yang diperolehi menunjukkan bahawa pengaruh Syi'ah sudah mendahului pengaruh Ahl al-Sunnah, bahkan mazhab Syi'ah pernah menjadi mazhab rasmi beberapa buah negara Islam di rantau ini. Ini tidak menghairankan kerana orang Syi'ah telah bertebaran di pusat-pusat perdagangan di kawasan Timur Jauh dan Asia Tenggara, dan dikatakan tarikh awal ketibaan orang Islam ke rantau ini adalah pada zaman pemerintahan Bani Umaiyyah lagi.<sup>1</sup>

---

1. W. P. Groeneveldt, *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled From Chinese Sources*, Jakarta, C. V. Bhratara, 1960, hlm.14.

Secara umumnya, bentuk pemikiran Syi'ah di Nusantara adalah bersumberkan tiga golongan, Imamiyyah Ithna 'Asyariah (Imam 12) yang merupakan golongan majoriti, Zaidiyyah dan Isma'iliyyah termasuklah al-Batiniyyah. Masing-masing meninggalkan pengaruh dan kesan di Nusantara. Ajaran dan pemikiran golongan Syi'ah dan al-Batiniyyah (*ghulat*) dikesan menyerap masuk ke dalam aliran-aliran tasawwuf.

Perlu juga diingatkan di sini bahawa pemikiran al-Batiniyyah berbeza sama sekali dengan pemikiran Syi'ah yang sebenar, walaupun mungkin dalam aspek-aspek tertentu ia kelihatan mempunyai persamaan. Ini disebabkan pengasas al-Batiniyyah, iaitu Abu al-Khattab<sup>2</sup> pernah bersekutu dengan Maymun al-Qaddah dan anaknya, 'Abdullah bin Maymun al-Qaddah, dan kedua-duanya dikatakan pernah mengikuti ajaran Ja'far al-Sadiq.<sup>3</sup> Imam keenam Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariah. Bagaimanapun, kesemua sumber Imamiyyah Ithna 'Asyariah dan hampir kesemua sumber Ahl al-Sunnah mengakui penolakan oleh Imam Ja'far al-Sadiq terhadap Abu al-Khattab.<sup>4</sup>

Kebanyakan pengkaji sejarah kedatangan Islam di Nusantara mengakui bahawa Islam yang disebarluaskan di Nusantara dimulakan oleh tokoh-tokoh Sufi dalam bentuk pemikiran tasawwuf. Sejarah juga mengakui pemikiran Syi'ah dan al-Batiniyyah telah menyusup masuk ke dalam aliran-aliran tasawwuf selepas kejatuhan kerajaan Fatimiyyah (297-567H/909-1171M) di Mesir. Justeru itu, pemikiran Syi'ah dan al-Batiniyyah dapat menyusup masuk ke dalam pemikiran masyarakat di rantau ini menerusi bentuk tasawwuf kerana itulah kaedah yang paling mudah dan berkesan dalam penyebaran dan penerimaan Islam.

- 
2. B. Lewis, *The Origins of Ismailism: A Study of the Historical Background of the Fatimid Caliphate*, Cambridge, [Eng.] University Press, 1940, hlm.32.
  3. *Ibid.*, hlm. 66-67.
  4. *Ibid.*, hlm. 37.

## Champa

Di Champa,<sup>5</sup> Islam dikatakan telah wujud di sana berdasarkan batu nesan yang bertarikh 431H/1039M<sup>6</sup> yang ditemui di daerah Phang Rang atau Panduringga yang merupakan kota pelabuhan penting Champa pada zaman silam<sup>7</sup> dan disebarluaskan menurut aliran Syi'ah. Golongan Syi'ah 'Alawiyyah yang menuju ke kepulauan Sila (Sulu)<sup>8</sup> dikatakan melalui Champa lebih awal daripada itu, iaitu pada sekitar tahun 65 - 132H/685 - 705M kerana melarikan diri daripada tentera al-Hajjaj, pada masa pemerintahan Dinasti Umaiyyah.

## Indonesia

Di Indonesia, penyebaran ajaran Syi'ah dikatakan akibat propaganda Syi'ah (Isma'iliyyah) yang amat berkesan sepanjang abad ke-5H/11M dan 6H/12M hingga menyebabkan Indonesia menerima pengaruh Syi'ah. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh suasana di Tanah Arab pada masa itu yang sedang dipengaruhi oleh aliran Syi'ah.

---

5. Abdul Rahman Ahmadi, *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, Kuala Lumpur Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1981, hlm. 19.

6. Maqam Abu Kamil Ahmad bertarikh 29 Safar 431H. Pada maqam tersebut tertulis kalimah *Allahumma salli 'ala Muhammad wa Al Muhammad wa sallam 'alaikim* yang membuktikan bahawa beliau seorang Syi'ah. Ini kerana Al Muhammad (kaum kerabat Muhammad (s.a.w)) merupakan simbol ikutan para pendokong mazhab Syi'ah. (Lihat: S. Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore, Malaysian Sociological Research Institute, 1963, hlm. 47).

7. Hamdan Hassan, "Peranan Aceh Dalam Pengembangan Islam di Nusantara," dlm. A. Hasyimy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Aceh, P. T. al-Ma'arif, Aceh, 1981, hlm. 332; S. Q. Fatimi *Islam Comes to Malaysia*, hlm. 45-47.

8. Kepulauan Sila di sini bermaksud Kepulauan Sulu. (lihat Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, *'Uqud al-Almas al-Qahirah*, Matba'at al-Madani, 1388/1968, I, hlm. 144-146 berdasarkan kitab *Nukhbah al-Dahr fi 'aja'ib al-Barr wa al-Bahr*, oleh Syams al-Din Abu 'Abdullah Muhammad bin Abu Talib al-Ansari. Lihat: P. Wheatley, "Arabo-Persian Sources for the History of the Malay Peninsula in Ancient Times," dlm. K. Tregonning (ed) *Malaysian Historical Sources*, Singapore University of Singapore, 1962, hlm. 18.

Di Aceh, seorang ulama Syi'ah (Zaidiyyah) dari Yaman bernama Sulaiman bin Abdullah telah pergi ke sana pada tahun 235H/850M, tetapi tidak diketahui tujuan sebenar kedatangan dan peranannya di Aceh.<sup>9</sup>

### Bahagian pantai barat Sumatera

Mazhab Syi'ah didapati berkembang di sana pada masa pemerintahan Mu'awiyah bin Abi Sufyan pada tahun 24H/674M.<sup>10</sup> Faktor terbesar yang mendorong para pedagang Arab dan Parsi Islam datang ke Sumatera Utara (atau Sumatera secara umumnya) pada abad ke-1H/7M adalah disebabkan terhalangnya pelayaran mereka menerusi Selat Melaka oleh Kerajaan Buddha Srivijaya. Ini berlaku kerana ia dikatakan sebagai tindak balas terhadap serangan Islam terhadap Kerajaan Hindu di India pada zaman Khalifah al-Hadi (158 - 169H/775 - 785M).<sup>11</sup>

Mazhab ini kemudiannya dibawa oleh golongan Syi'ah Isma'iliyyah (dari Parsi) pada abad ke-2H/8M, disebar ke pedalaman India melalui perbatasan Bukhara dan Afghanistan dan akhirnya sampai ke Indonesia (di kawasan sebelah pantai-barat Sumatera).

Kegiatan dakwah Syi'ah Isma'iliyyah telah mempengaruhi kawasan ini (Sumatera) kerana pada zaman Kerajaan Syi'ah Fatimiyyah (296 - 566H/909 - 1171M) di Mesir, angkatan propaganda Fatimiyyah telah tiba ke Sumatera.<sup>12</sup> Hal ini berlaku berkemungkinan kerana ramai orang Parsi dikatakan berhijrah ke Sumatera, khususnya Sumatera Utara untuk menyebarkan dakwah.

9. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Pengembangannya Hingga Abad Ke-19*, Kuala Lumpur, D.B.P,1990, hlm. 38.

10. T. Arnold, *The Preaching of Islam*, Lahore, Sh. Muhammad Ashraf, 1979, hlm. 368

11. Wan Hussein Azmi, "Islam di Aceh: Masuk dan Berkembangnya Hingga Abad ke XVI (16)," dlm. *Sejarah masuk dan berkembangnya Islam ke Indonesia*, Aceh, P. T. al-Ma'arif, 1981, hlm. 195.

12. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur, Penerbitan Pena,1989, hlm. 91.

Di kawasan Sumatera Timur pula, beberapa buah keluarga Syi'ah dikatakan telah tiba pada zaman Buwayh di sekitar tahun 359H/969M dan menetap di tengah-tengah Sumatera Timur serta mendirikan kampung mereka bernama Siak yang kemudian berubah kepada nama Nagari Siak atau Siak Seri Inderapura.<sup>13</sup>

### **Samudera - Pasai**

Pemerintahan Islam di sini sudah wujud lebih dahulu daripada di Aceh. Bentuk pemikiran Islam pada peringkat awal (sebelum Kerajaan Aceh) dari tahun 433 - 848H/1042 - 1444M<sup>14</sup> dipengaruhi aliran Syi'ah, terutama pada zaman pemerintahan Meurah Nui, raja Pasai keempat yang terkenal dengan nama Sultan al-Kamil (550 - 606H/1155 - 1210M).

Pada zaman pemerintahannya satu rombongan ulama Makkah yang dipimpin oleh Syaikh 'Abdullah 'Arif, seorang ahli Sufi pada abad ke-6H/12M dan orang pertama dikatakan bertanggung jawab menyebarkan ajaran Syi'ah di Aceh, Kedah dan Patani.<sup>15</sup> Beliau dikatakan telah menulis dan meninggalkan sebuah kitab tasawwuf falsafah yang mengandungi ajaran-ajaran Syi'ah berjudul *Bahr al-Lahut*, dan kitab ini merupakan kitab pertama tiba di rantau ini berdasarkan tarikh ketibaan penulisnya pada abad ke-6H/12M.

Samudera - Pasai dikatakan memainkan peranan dalam perkembangan Islam di Jawa dan Sulawesi pada tahun 797H/1395M disebabkan Sultan Zainal Abidin Bahiyan Syah (748-809H/1349 - 1406M) telah menghantarkan dua orang pendakwahnya ke Jawa terdiri daripada Mawlana Malik Ibrahim,<sup>16</sup> dan Mawlana Ishak yang bergelar Syaikh Awwal al-Islam.

---

13. Wan Hussein Azmi, "Islam di Aceh," hlm. 185.

14. S. Warsito, *Di Sekitar Kebatinan*, Jakarta, Bulan Bintang, 1973, hlm. 53.

15. Mahayuddin Yahya, "Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam Dalam Konteks Alam Melayu: Iktibarnya Untuk Abad Akan Datang," kertas kerja Seminar Pemikiran Islam abad ke-21, Univ. Malaya, hlm. 15. (Syaikh 'Abdullah 'Arif hidup sekitar tahun 505-510H/1112-1117M. Lihat, Drs. Abdul Rahman Ahmadi, *Sejarah kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, hlm. 53.)

16. Dikatakan Mawlana Malik Ibrahim bersambung keturunannya dengan Zain al-Abidin, salah seorang cucu 'Ali bin Abi Talib (k.w.).

Menjelang abad ke-7H/13M, aliran Sunnah dibawa ke rantau ini oleh Syaikh Ismail al-Siddiq (al-Zarfy). Beliau merupakan utusan khas dari Makkah ke Pasai yang dihantar oleh Syarif Makkah yang memerintah di bawah naungan Kerajaan Mamluk (Turki) (650 - 922H/1252 - 1517M) di Mesir. Utusan ini bertujuan untuk menukar mazhab Syi'ah (yang menguasai Pasai ketika itu) kepada mazhab Syafi'i dan untuk mengislamkan Raja Pasai Meurah Silu (al-Malik al-Salih).

Kerajaan Pasai berakhir pada zaman Ratu Nibrasiyah Rawangsuh Khadiyu (802 - 831H/1400 - 1428M), iaitu puteri Sultan Zainal Abidin. Pada zamannya, perperangan antara Malik Mustafa (suami Ratu) dengan Mangkubumi Pasai, Maharaja Bakoy Ahmad Permala yang dikatakan menjadi pemimpin tasawwu pantheisme beraliran Syi'ah.

Pengikut Syi'ah 'Alawiyah telah mendiami Kepulauan Sulu (Sila), Sulawesi dan Kalimantan, pada masa pemerintahan 'Abd al-Malik bin Marwan (65 - 86H/685 - 705M) kerana mengelakkan kekejaman Bani Umaiyyah dan juga untuk menyebarkan dakwah Islam berdasarkan ajaran Syi'ah. Pada abad ke-2H/8M, Perlak telah dikenali sebagai sebuah pelabuhan yang maju dan merupakan tempat persinggahan orang Islam Arab dan Parsi. Terdapat sebuah kitab karangan Abu Ishaq Makarani al-Fasy berjudul *Izhar al-Haqq fi Mamlakah Ferlak*<sup>17</sup> yang menceritakan secara terperinci tentang perkembangan Islam daripada mazhab Syi'ah di Pasai.

Perkembangan Syi'ah di Perlak dikatakan bermula pada tahun 173H/790M ketika Nakhoda Khalifah dengan kira-kira 100 orang anggota angkatan dakwahnya berlabuh di Bandar Perlak. Mereka terdiri daripada orang Arab, Parsi dan Hindi. Rombongan ini sampai ke sini pada masa Syahir Nuwi menjadi Meurah Negeri Perlak. Syahir Nuwi dikatakan berketurunan Dinasti Sasan. Pada masa pemerintahannya seluruh rakyat Parsi termasuk seluruh keturunan Sasan telah memeluk Islam dan tertakluk di bawah Dawlah Islam.

Dalam masa kurang dari setengah abad, seluruh rakyat Perlak menganut agama Islam akibat asimilasi menerusi perkahwinan antara orang Islam Arab dan Parsi dengan puteri-puteri Perlak yang telah melahirkan masyarakat

17. A. Hasjmy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam ke Indonesia*, hlm. 147.

berdarah campuran. Sebagai contoh, Meurah Perlak, Syahir Nuwi telah menikahkan 'Ali bin Muhammad al-Dibaj bin Ja'far al-Sadiq yang berketurunan Arab dan bersambung keturunannya dengan Nabi Muhammad (s.a.w), manakala ibunya pula daripada keturunan Parsi Dinasti Sasan dengan adik kandungnya, Puteri Makhdum Tansyuri. Faktor yang memikat Syahir Nuwi mengambil pemuda Arab/Parsi menjadi adik iparnya adalah kerana asal keturunan 'Ali bin Muhammad al-Dibaj yang mulia.

Hasil perkahwinan ini mereka dikurniakan seorang anak bernama Sayyid 'Abd al-'Aziz yang kemudiannya ditabalkan menjadi raja Kerajaan Islam Perlak dengan gelaran Sultan Alauddin Sayyid Mawlana 'Abd al-'Aziz Syah. Salasilah keturunan Sayyid 'Abd al-'Aziz yang bergelar Sultan Alauddin Sayyid Mawlana 'Abd al-'Aziz Syah ialah 'Abd al-'Aziz bin 'Ali bin Muhammad al-Dibaj bin Ja'far al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin 'Ali Zayn al-Abidin bin Husayn al-Syahid bin 'Ali bin Abi Talib (dengan isterinya, Fatimah bte Muhammad (s.a.w).

Keadaan ini seterusnya menyebabkan terdirinya Kerajaan Islam Perlak pada hari Selasa 1 Muharram 225H/840M, dan ajaran Islam pada masa itu adalah berbentuk Syi'ah.<sup>18</sup> Berikut ialah senarai pemerintahan raja-raja di Perlak mengikut turutan daripada Dinasti Sayyid Mawlana 'Abd al-'Aziz Syah:

- 1) Sultan Alauddin Sayyid Mawlana 'Abd al-'Aziz Syah (225 - 249H/ 840 - 864M).
- 2) Sultan Alauddin Sayyid Mawlana 'Abd al-Rahim Syah (249 - 285H/864 - 888M).
- 3) Sultan Alauddin Sayyid Mawlana 'Abbas Syah (285 - 300H/ 888 - 913M).

Pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Sayyid Mawlana 'Abd al-'Aziz Syah, fahaman Sunnah mulai mengalir masuk ke dalam masyarakat Islam Perlak. Keadaan ini tidak disukai oleh pengikut Syi'ah, dan pada akhir pemerintahannya berlaku perang saudara antara dua golongan itu yang menyebabkan Perlak tidak mempunyai sultan selama dua tahun apabila sultan meninggal dunia.

18. Drs. Muhammad Ibrahim dan Drs. Rusdi Sufi, "Proses Islamisasi dan Munculnya Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh," dlm. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, hlm. 407.

Pada akhir pemerintahan Sultan Alauddin Sayyid Mawlana Ali Mughayat Syah (302 - 305H/ 915 - 918M), berlaku pergolakan dan perang saudara antara golongan Syi'ah dan Sunnah yang berakhir dengan kekalahan pemerintahan Sayyid (Dinasti Azizah) dan munculnya Dinasti Makhdum.

Dengan kemenangan yang dicapai golongan Sunnah, mereka berjaya mengangkat sultan daripada golongan mereka yang berketurunan Meurah Perlak asli (Syahir Nuwi). Sultannya yang pertama ialah Sultan Makhdum Alauddin Malik Abd al-Qadir Syah Johan Berdaulat (306 - 310H/ 928 - 932M).

Semasa pemerintahan Sultan Makhdum Alauddin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (310 - 334H/ 922 - 946M), usaha-usaha besar telah dilakukan untuk mempersatukan kembali pertentangan antara keluarga Azizah dengan keluarga Makhdum. Cara yang dilakukan adalah dengan mengangkat seorang keturunan Azizah bernama Sayyid Mawlana Abdullah menjadi Mangkubuminya.

Pada akhir pemerintahan Sultan Makhdum Alauddin Malik Syah Johan Berdaulat pula (334 - 362H/ 956 - 983M), golongan Syi'ah memberontak merebut kekuasaan. Ini menyebabkan berlaku perang saudara selama empat tahun yang berakhir dengan perdamaian menerusi perjanjian Alue Meuh yang bertarikh 10 Muharram 353H/964M.

Di antara kandungan perjanjian tersebut ialah kerajaan Perlak dipecahkan kepada dua bahagian iaitu:

- a) Perlak pesisir (Perlak Baroh) - bagi golongan Syi'ah dan mereka boleh melantik sultan daripada golongan mereka sendiri daripada Dinasti Azizah.
- b) Perlak pedalaman (Perlak Tunong) - bagi golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan mereka boleh melantik sultan daripada golongan mereka sendiri daripada Dinasti Makhdum.

Justeru itu, terdapat dua orang raja di Perlak sebagai sultan yang kelapan iaitu:

- (1) Golongan Syi'ah melantik sultannya, Sultan Alauddin Sayyid Mawlana Mahmud Syah yang memerintah Perlak Baroh dari tahun 365 - 377H/ 976 - 988M dengan ibu kotanya di Bandar Perlak.

(2) Golongan Sunnah pula melantik Sultan Makhdum Alauddin Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat yang memerintah dari tahun 365-402H/ 986 - 1023M di Perlak Tunong dengan ibu kotanya di Bandar Khalifah<sup>19</sup>.

Dalam tahun 375H/986M, kerajaan Buddha Srivijaya (Sribuza) menyerang kerajaan Perlak (Perlak Baroh) dan perang berlaku di antara kedua-dua belah pihak. Sultan Alauddin Sayyid Mawlana Mahmud Syah (sultan Kerajaan Perlak pesisir (daerah Syi'ah)) telah mangkat.

Selepas Kerajaan Srivijaya berundur dari Perlak pada tahun 396H/1006M, Kerajaan Perlak telah dapat dipersatukan kembali dengan dikuasai seluruhnya oleh Sultan Makhdum Alauddin Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat.<sup>20</sup> Sultan Makhdum Alauddin Malik Abdullah Syah Johan Berdaulat (470 - 501H/1078 - 1108M) mengambil daya usaha untuk mengelakkan peperangan saudara dengan Sayyid Mawlana (Syi'ah) dengan memperisterikan puteri Syarifah Azizah.

### **Filipina**

Di Filipina, Islam telah bertapak dan berkembang dengan mendapat pengaruh dan kejayaan yang besar di Mindanao (Magindanao) menerusi Syarif Mohammad Kabungsawan atau lebih dikenali Syarif Kabungsawan. Beliau merupakan anak kepada Syarif Ali Zainal Abidin, daripada keturunan Rasulullah (s.a.w) yang berhijrah dari Makkah ke Hadramaut, selatan Jazirah Arab ke Juhur (Johor) di Semenanjung Tanah Melayu).<sup>21</sup>

Menurut Saleeby, kedatangan Syarif Kabungsawan ke Mindanao mungkin berlaku kira-kira pada akhir abad ke-9H/15M atau pada awal abad ke-10H/16M<sup>22</sup> Jika berdasarkan kronologi sejarah, selepas kejatuhan Melaka pada tahun 917H/1511M dan berdirinya kerajaan Juhur (Johor), kemungkinan kedatangan Syarif Kabungsawan ke Malabang boleh dianggarkan pada tahun 921H/1515M.<sup>23</sup>

- 
19. Wan Hussein Azmi, "Islam di Aceh," hlm. 195-196.
  20. Muhammad Ibrahim dan Rusdi Sufi, "Proses Islamisasi", hlm. 407.
  21. S. Q. Fatimi, *Islam comes to Malaysia*, hlm. 7.
  22. N. M. Saleeby, *Studies in Moro History, Law and Religions*, Manila, Filipiniana Book Guild, 1976, hlm. 52.
  23. *Ibid*, hlm. 53.

Tradisi Magindanao dan catatan bertulisnya menyebutkan bahawa kedatangan beliau pernah didahului sebelumnya oleh dua orang pelopor yang juga daripada keturunan Nabi Muhammad. Mereka ialah Syarif Awliya (Syarif Hasan)<sup>24</sup> dan Syarif Maraja yang kedua-duanya bersaudara, tetapi pengaruh dan kejayaan mereka dalam dakwah Islam tidak dapat dipastikan. Adalah dipercayai bahawa sultan Sulu yang pertama ialah Syarif Hasan berasal dari Basilan. Basilan merupakan tempat Syarif Hasan berhenti dan mengasaskan kesultanan Sulu. Keturunan sultan-sultan Brunei, Sulu dan Magindanao dikatakan mempunyai kaitan persaudaraan<sup>25</sup>.

### **Burma (Myanmar)**

Kedatangan orang Syi'ah ke Burma agak sukar untuk dipastikan. Kemungkinan mereka mulai bertapak di Burma pada abad ke-12H/18M. Ini berdasarkan kenyataan yang mengatakan bahawa beberapa orang daripada keturunan yang mulia termasuk golongan Sayyid (darah keturunan Nabi Muhammad (s.a.w)) dan kaum wanita mereka yang tinggal di Bengal telah ditawan oleh puak Magh.<sup>26</sup> Mereka dijadikan tawanan ketika Bengal diserang dan kemudian dibawa ke Arakan di Burma pada abad ke-12H/18M sebagai hamba dan gundik. Kemungkinan dengan sebab ini, ajaran Syi'ah berkembang menerusi golongan Sayyid tersebut.

Di Amarapoora dan beberapa tempat lain, terdapat sebilangan kecil golongan Syi'ah<sup>27</sup> secara berselerak. Namun begitu mereka mula tersusun pada tahun 1327H/1909M. Sebahagian kecil daripada keseluruhan bilangan mereka

24. Terdapat dua versi yang menyebutkan nama mereka berdua tetapi berbeza antara satu sama lain. Versi pertama menyebutkan Ahmad dan Alwi, manakala versi kedua menyebutkan Mohammad dan Ahmad. Saudara yang tertua mengasaskan kesultanan Brunei, manakala yang kedua mengasaskan kesultanan Sulu. (Lihat: *Ibid.*)

25. Datu-datu Sulu berasal daripada keturunan Syarif Hasan (Lihat *ibid.*, hlm. 24.)

26. *Ibid.*, hlm. 52.

27. G. E. Harvey, *History of Burma*, London, Frank Cass, 1967, hlm. 144. Walaupun bagaimanapun, Harvey mengatakan puak Magh merupakan sekumpulan lanun dari Arakan, Burma.)

yang terdapat di Burma melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan dan perniagaan Mereka juga dikenali di Burma dengan nama "Mogul". Majoritinya berketurunan India, tetapi pengabdian mereka adalah kepada Iran.<sup>28</sup> Terdapat tiga buah masjid Syi'ah di Rangoon, dan yang terbesar ialah masjid Mogul yang dibina pada tahun 1332H/1914M.<sup>29</sup>

### ***Thailand***

Perkembangan Syi'ah di Thailand (Siam) pada peringkat awal agak sukar dikesan. Kemungkinan Syi'ah bertapak di negara tersebut menerusi kegiatan para pendakwahnya yang merasakan lebih mudah menyebarkan ajarannya di sebuah negara yang diperintah oleh pemerintah bukan Islam.

Catatan-catatan menunjukkan bahawa golongan Syi'ah telah mendiami negara Thailand sejak abad ke-18 atau lebih awal daripada itu lagi seperti yang dikemukakan oleh Dr. Omar Farouk<sup>30</sup>. Dalam kajian dan hasil penyelidikan Universiti Amerika di Thailand<sup>31</sup> disebutkan bahawa pada pertengahan tahun 1380/1960M, terdapat lima buah masjid beraliran Syi'ah, sejumlah 1350 buah manakala yang lain-lain adalah beraliran Sunnah.

### ***Malaysia***

Di Malaysia (Tanah Melayu), perkembangan Syi'ah adalah didorong oleh kewujudan golongan 'Alawiyyah (Sayyid) daripada keturunan Husayn bin 'Ali yang telah lama bertapak di beberapa buah negeri antaranya Johor, Perak, Pahang, Terengganu dan beberapa buah negeri yang lain.

28. Moshe Yegar, *The Muslims of Burma: A Study of Minority Group*, Otto Harrassowitz, Wiesbaden, 1972, hlm. 14.

29. *Ibid.*, hlm. 40.

30. *Ibid.*, hlm. 44.

31. Omar Farouk, "The Muslims of Thailand," dlm. *Islamika*, Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise, 1981, hlm. 102.

Golongan Sayyid mendapat kedudukan yang mulia di kalangan orang Melayu kerana dua alasan yang kuat. Pertama, mereka mendakwa berasal daripada keturunan Rasulullah (s.a.w) yang dipandang mulia. Kedua, mereka merupakan golongan yang mempunyai keilmuan Islam yang tinggi. Justeru itu, masyarakat tempatan lebih mudah menerima kehadiran serta pengajaran mereka.

Perkara utama yang tidak harus dilupakan iaitu golongan Sayyid dan Syarif pada asalnya menerima sumber-sumber keilmuan daripada nenek-moyang mereka, Rasulullah (s.a.w) dan Ahl al-Bayt (kaum-kerabat baginda (s.a.w)). Perubahan-perubahan yang berlaku pada peringkat seterusnya, sehingga akhirnya mereka beralih kepada aliran pemikiran lain adalah disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran di mana mereka berada.

Dengan kata-kata lain, generasi Sayyid dan Syarif yang berada di kawasan persekitaran yang tidak memungkinkan mereka mengamalkan aliran pemikiran mereka sebenarnya terpaksa mengamalkan konsep *taqiyah* untuk terus hidup. Apabila proses ini berterusan, generasi kemudian telah sedikit demi sedikit melupakan pegangan mereka yang asal dan mulai berubah kepada aliran pemikiran yang dianuti oleh sebahagian besar masyarakat tempatan.

Satu hal yang pasti, keturunan Sayyid dan Syarif ini masih memelihara dan mengekalkan silsilah keturunan mereka dengan baik sehingga ke hari ini, yang secara langsung membuktikan bahawa mereka memang berasal daripada keturunan Rasulullah (s.a.w) dan Ahl al-Bayt dan ini sudah pasti pemikiran asal mereka adalah berdasarkan pemikiran yang dipegang dan dianuti oleh golongan Syi'ah.

Di negeri Terengganu, mereka adalah daripada keturunan al-'Aidrus yang sampai silsilah keturunannya kepada Nabi Muhammad menerusi 'Ali bin Abi Talib dan Fatimah serta Husayn bin 'Ali.<sup>32</sup> Keturunan sayyid yang lain juga terdapat di Perak<sup>33</sup> dan di Johor<sup>34</sup>.

32. *Area handbook of Thailand*, American University Washington D. C., Foreign Areas Studies Division, 1968, hlm. 216.

33. Penulis telah melihat manuskrip tulisan tangan mengenai salasilah mereka daripada keturunan al-'Aidrus daripada Dato' Engku Embong Idrus bin Abdul Kadir, pemegang amanah salasilah keturunan ini di Kuala Terengganu. (Temuramah pada 8 Jun 1994.)

34. Lihat J. Rigby, "The Ninety-nine Laws of Perak," dlm. *Papers on Malay Subjects* bhg. II, 1908, hlm. 4.

Di Kedah, Syaikh 'Abdullah 'Arif mungkin telah menyebarkan Islam pada abad ke-6H/12M lagi dengan corak tasawwuf (Syi'ah) sekiranya kitab *Bahr al-Lahut* itu memang benar mengandungi pengajaran Syi'ah.<sup>35</sup>

### Pengaruh pemikiran Syi'ah di Nusantara

Berhubung dengan pengaruh Syi'ah di Nusantara, kebanyakannya dapat diperhatikan menerusi aspek-aspek yang berkait rapat dengan keagamaan. Aspek-aspek tersebut bolehlah dipecahkan kepada beberapa kategori merangkumi bidang penulisan sastera Melayu-Islam, syariah, tasawwuf, usuluddin, perayaan (*mawlid*), tradisi doa, jampi-mentera, ratib (*rawatib*) dan lain-lain.

### Bidang kesusasteraan Melayu-Islam

Dalam Sastera Melayu-Islam terutama hikayat-hikayat bercorak Islam, pengaruh Syi'ah dapat dikesan. Contohnya dalam *Hikayat Nabi Muhammad*<sup>36</sup>, *Hikayat Ali Kahwin atau Hikayat Fatimah*, *Hikayat Nabi Mengajar Ali*, *Hikayat Amir Mukminin Umar*, *Hikayat Abu Bakar*, *Hikayat Muhammad Ali al-Hanafiyah*<sup>37</sup>, *Hikayat Raja Khandaq*<sup>38</sup>, *Hikayat Amir Hamzah* dan legenda-legenda lain.

Hikayat-hikayat tersebut mempropagandakan keagungan Ali, isterinya Fatimah, anak-anak mereka Hasan dan Husayn serta para pahlawan daripada kalangan pengikut Syi'ah. Keadaan ini turut mempengaruhi sastera dan kepercayaan orang Melayu<sup>39</sup>.

35. Mahayuddin Yahya, "Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia", dlm. *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 73.

36. Drs. Abdul Rahman Ahmadi, *Sejarah kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, hlm. 53.

37. R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, London, Oxford University Press, 1969, hlm. 102-103.

38. *Ibid.*, hlm. 105-106; hlm. 265-272.

39. *Ibid.*, hlm. 281-282.

Selain 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husayn, tokoh-tokoh Syi'ah yang juga merupakan para Imam mereka seperti 'Ali Zayn al-'Abidin dan Ja'far al-Sadiq turut mendapat tempat yang istimewa di Alam Melayu.<sup>40</sup>

### Bidang Syari'ah

Dalam bidang syari'ah, pengaruh Syi'ah agak sukar dipastikan<sup>41</sup>. Menurut setengah pengkaji, aliran Syi'ah pernah menguasai Kerajaan Kuntu/Kampar di Minangkabau Timur sepanjang abad ke-5H/11M hingga ke-7H/13M.<sup>42</sup>

Prof. S.H.Nasr mengakui bahawa antara hukum-hukum Syi'ah yang berbeza dengan hukum-hukum mazhab Sunnah adalah dalam soal pembahagian harta pusaka. Menurut ajaran Syi'ah dalam kes tertentu pihak wanita mewarisi lebih banyak jumlahnya jika dibandingkan dalam hukum Sunnah,<sup>43</sup> tetapi dalam hal ini, tidaklah dapat dipastikan pengaruh Syi'ah dalam sistem hukum di Minangkabau itu.

Pada abad ke-11H/17M, Sayyid Husayn al-Faradz daripada kalangan pengikut Ahmad bin 'Isa al-Muhajir<sup>44</sup> telah membawa hukum kanun 99 Perak dan digunakan oleh keturunannya sejak menjadi menteri di Perak<sup>45</sup> dan oleh beberapa generasi selepasnya. Kitab yang mengandungi hukum tersebut hanyalah semata-mata menjadi buku rujukan yang disimpan oleh keluarga

40. Ismail Hamid, "Unsur-unsur Lagenda Dalam Hikayat Melayu Bercorak Islam," UKM, 4-6 Nov 1982; *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*, Petaling Jaya Penerbit Fajar Bakti, 1983A, hlm. 62-63, 1983B, hlm. 116-118.

41. Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, Medan, Maju, 1963, hlm. 161-162.

42. Menurut Hj. Wan Muhammad Saghir Abdullah, pasti bahawa ketika pertama masuknya Islam di Nusantara ia menurut mazhab Syafi'i, malahan ada lagi aliran-aliran lain seumpama mazhab Syi'ah dan sebagainya. (Lihat: *Perkembangan Ilmu fiqh dan tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*, Solo, Ramadhani, 1985, hlm. 14.)

43. Drs. Abdul Rahman Ahmadi, *Sejarah kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, hlm. 33.

44. S. H. Nasr, *Islam Dalam Cita dan Fakta*, Jakarta, Leppenas, 1981, hlm. 71.

45. Lihat: R. B. Serjeant, *The Sayyids of Hadramawt*, London, SOAS, 1957, hlm. 3-29; Mahayuddin b. Yahya, "Latar belakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia," *dim. Tamadun Islam di Malaysia*, hlm. 60-73.

tersebut dan digunakan oleh ahli-ahli keluarga itu apabila diminta untuk memberikan nasihat kepada sultan dalam masalah hukum. Dalam hukum kanun Perak ini, pengaruh Syi'ah<sup>46</sup> dikatakan begitu ketara sekali disebabkan ia berbentuk soalan-soalan yang menyerupai bentuk soalan Nusyirwan kepada menterinya, Buzurgmihr.<sup>47</sup>

### Bidang Tasawwuf

Menurut S.H.Nasr fahaman Syi'ah merupakan asas atau punca kepada apa yang kemudiannya dinamakan tasawwuf.<sup>48</sup> Bagaimanapun, kebanyakan pengkaji Islam di Nusantara mengatakan kemurnian tasawwuf telah tercemar akibat pengaruh falsafah dan kegiatan golongan Syi'ah.

Di antara pengaruh-pengaruh Syi'ah yang agak ketara di Nusantara ialah:

- 1) Keutamaan 'Ali bin Abi Talib.
- 2) Doktrin Nur Muhammad.
- 3) Konsep Imam al-Mahdi.
- 4) Perayaan-perayaan yang berkaitan dengan fahaman Syi'ah seperti perayaan 10 Muharram dan lain-lain.<sup>49</sup>

Golongan Syi'ah memang dikenali kerana mereka mempercayai bahawa para Imam mereka mempunyai keutamaan dan kedudukan yang tinggi berbanding dengan manusia biasa yang lain kecuali Nabi Muhammad (s.a.w). Imam pertama yang diagungkan ialah 'Ali bin Abi Talib dan keturunannya yang dikenali sebagai *Ahl al-Bayt*.

46. J. Rigby (ed.), "The Ninety Nine Laws of Perak" dlm. *Papers on Malay Subjects*, bhg. II, hlm. 4.

47. *Ibid.*, hlm. 6.

48. R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, hlm. 170; Engku Ibrahim, "Pengaruh Syi'ah - Parsi Dalam Sastera Melayu," dlm. *Warisan Dunia Melayu Teras Peradaban Malaysia*, Kuala Lumpur, Biro Penerbitan Gapena, 1985, hlm. 35; Lutpi Ibrahim, "Perbezaan dan Persamaan Antara Ahli Sunnah dan Syi'ah" dlm. *al-Islam*, Ogos, 1985, hlm. 30.

49. S. H. Nasr, *Living Sufism*, London, Unwin Paperbacks, 1980, hlm. 91.

Sebenarnya, keutamaan dan kedudukan mereka memang diperkuatkan dengan bukti-bukti yang disepakati oleh para ulama Islam.<sup>50</sup> Namun begitu, kebanyakan pengkaji dan ulama Islam khususnya di Nusantara tidak begitu meneliti persoalan ini secara mendalam dan mereka mengatakan hadith-hadith yang dipercaya oleh golongan Syi'ah adalah hadith-hadith palsu,<sup>51</sup> terutama yang menyentuh keutamaan dan keunggulannya.

Hadith-hadith yang dikatakan palsu, tidak hanya mengenai keutamaan 'Ali, bahkan juga meliputi doktrin *Nur Muhammad*<sup>52</sup> sebagai ajaran kosmologi Syi'ah yang utama<sup>53</sup>. Sejarah doktrin ini yang dibawa oleh orang-orang Syi'ah dan kemudiannya pada abad ke-6H/13M barulah dipopularkan oleh pengikut sufi.<sup>54</sup>

Dari segi pengelasan hadith Sunnah, hadith-hadith mengenai Nur Muhammad dikatakan palsu<sup>55</sup> kerana antara para perawinya, terdapat nama Ka'b al-Ahbar yang dikenali kerana banyak memasukkan dongeng *Isra' Iliyyat* dalam Islam.<sup>56</sup> Bagaimanapun, sumber-sumber mengenai Nur Muhammad ini banyak ditemui dalam kitab-kitab besar tulisan para ulama Islam yang ulung daripada mazhab Ahl al-Sunnah sendiri.

50. Keutamaan dan keunggulan 'Ali bin Abi Talib boleh ditemui dalam hampir kebanyakan kitab oleh ulama Islam, sama ada Ahl al-Sunnah mahupun Syi'ah dan telah disepakati kesahihannya.

51. O. K. Rahmat, *Pencemaran Akidah di Nusantara*, Kuala Lumpur, D.B.P.1983, hlm. 117-122; Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, hlm. 161-162; Aboe Bakar Atjeh, *Sekitar Masuknya Islam di Indonesia*, Semarang, C. V. Ramadhani,1971, hlm. 48.

52. Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah*, (terj.) Singapura, Penerbitan Basheer Ahmad,1980, hlm. 118; Fathurrachman, *Iktisar Mustalah al-Hadith*, Bandung, P. T. al-Ma'arif,1974, hlm. 147-148; Abdul Rahman, *Pemikiran umat Islam di Nusantara*, hlm. 82-83.

53. Doktrin ini dihuraikan dalam al-Mas'udi. (Menurut I. P. Petrushevsky, Ja'far ibn Sadiq ialah orang yang menghuraikan doktrin *Imamah* dan *Nur Muhammadi*. Lihat *Islam in Iran*, Albany, State University of New York Press, 1985, hlm. 211; Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, hlm. 161-162.

54. S. H. Naar, *Ideals and Realities in Islam*, London, George Allen and Unwin,1981, hlm. 161-162.

55. H. A. R. Gibb and J. H. Kramers, *Shorter Encyclopaedia of Islam*, Leiden, E. J. Brill, 1974, hlm. 452.

56. Sayyid Sabiq, *Aqidah Islam*, (terj.) Bandung, C. V. Diponogoro,1974, hlm. 85; Adab Mahmud Hamasy, *Salak Faham Tentang Nur Muhammadi*, (terj.) Kelantan, Pustaka Asa, 1989.

Orang Syi'ah menyakini kebenaran Nur Muhammad (primordial light) dengan mengambilnya dari sumber-sumber riwayat Ahl al-Bayt Rasulullah (s.a.w). Mereka mempercayai **Nur** itu memancar atau menitis kepada para Imam mereka yang bermula daripada 'Ali bin Abi Talib dan terus berlanjutan pada diri para Imam mereka yang lain. Kesan daripada kehadiran cahaya yang *qadim* (primordial light) itu di dalam dirinya menjadikan Imam mereka memiliki kemampuan untuk tidak melakukan kesalahan (*'Ismah*) dan dosa.<sup>57</sup>

Konsep cahaya yang *qadim* Syi'ah telah mempengaruhi golongan sufi sehingga doktrin Nur Muhammad menjadi terkenal di kalangan mereka. Orang pertama yang dikatakan memasukkannya ke dalam ajaran tasawwuf ialah Sahl al-Tustari (282H/896M).<sup>58</sup>

Mengenai doktrin Nur Muhammad di Nusantara, dikatakan pada tahun 560H/1165M, mubaligh sufi bernama Syaikh 'Abdullah 'Arif yang menyebarkan Islam di Sumatera pada masa pemerintahan Sultan Kamil (Nur al-Din) (550 - 606H/1155 - 1210M) telah banyak menulis kitab ajaran sufi tetapi yang ditemui hanyalah kitab *Bahr al-Lahut*<sup>59</sup>. Dalam kitab ini, kupasan secara mendalam tentang kejadian Nur Muhammad yang berasal daripada pengaruh Syi'ah dijelaskan<sup>60</sup>.

57. Imron A. Manan, *Pelbagai Masalah Tauhid Popular I*, Surabaya, P. T. Bina Ilmu, 1982, hlm. 257-266; Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, hlm. 83.

58. S. H. Nasr, *Islam Dalam Cita dan Fakta*, hlm. 120; (Sebenarnya, persoalan ini mempunyai kaitan yang erat dengan al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 33 yang menjadi hujah (dalil) bagi golongan Syi'ah menyakini para imam mereka adalah *ma'sumun* (terpelihara daripada dosa dan kesalahan.) Lihat: Sadiq Husayn al-Syirazi, *Ahl al-Bayt fi al-Qur'an*, Tehran, 1979; D. M. Donaldson, *The Shi'ite Religion*, London, Luzac, 1933, hlm. 330-338.)

59. Fazlur Rahman, *Islam*, Chicago and London, Chicago University Press, hlm. 142, 174; L. Massignon, "Sahl al-Tustari," dlm *EJ*, (ed. baru), Leiden, E. J. Brill, 1913, IV, hlm. 63-64. (Di katakan bahawa Sahl al-Tustari ialah seorang ulama usul al-din dan mistik yang bermazhab Ahl al-Sunnah.)

60. Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah, I, hlm. 1-5. Kitab ini dikatakan sebagai kitab tertua ditulis oleh ulama Islam di Asia Tenggara dalam bentuk aliran Sufi.

Seterusnya, pengaruh ini dapat dilihat dengan jelas dalam sebuah hikayat bertajuk *Inilah Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Kejadian Nur Muhammad atau juga dikenali Keturunan Nabi Muhammad*.<sup>61</sup> Dalam hikayat ini diceritakan bahawa selepas terjadinya Nur Muhammad, Allah menjadikan seekor burung dengan kepalanya ialah 'Ali, kedua-dua matanya ialah putera-puteranya, Hasan dan Husain, lehernya ialah Fatimah al-Zahra'. Kedua-dua sayapnya ialah Abu Bakr al-Siddiq dan 'Umar al-Khattab, ekornya ialah Amir Hamzah bin 'Abd al-Muttalib, belakangnya ialah 'Abbas dan kakinya Khadijah. Selepas itu barulah dijadikan makhluk-makhluk lain. Pengaruh ajaran Nur Muhammad<sup>62</sup> juga terdapat dalam kitab *Qisas al-Anbiya'* (Kisah para nabi).

Berhubung dengan persoalan di atas, ternyata cerita Nur Muhammad di dalam hikayat tersebut bukanlah seperti yang ditemui dalam hadith-hadith Nabi (s.a.w) yang sahih, yang diriwayatkan oleh tokoh-tokoh ulama Islam yang ulung dalam kitab-kitab hadith yang muktabar.<sup>63</sup> Ini menunjukkan konsep Nur Muhammad dalam kitab-kitab Jawi Melayu memang mempunyai asasnya dari sumber-sumber Islam, tetapi perbezaannya adalah terletak kepada kandungannya yang ternyata bertentangan dengan keterangan hadith-hadith yang sahih.

61. Kandungan secara ringkas daripada kitab itu menyebutkan, di antaranya: "Arasy, kursi, tujuh langit dan bumi dan tiap-tiap isinya kesemuanya Allah yang menjadikannya dari Nur Muhammad. Sesungguhnya Nur Muhammad itu besarnya lima puluh ribu tahun perjalanan. Demikianlah kebesaran Muhammad dalam kebesaran Allah." (Lihat: *Ibid*, hlm. 4.)

62. Salah satu naskhah hikayat ini ada menyatakan hikayat ini telah disalin oleh Ahmad Syams al-Din dari Banjar, daripada bahasa Parsi selepas diperintahkan oleh Sultan Taj al-Alam Saffiyat al-Din Syah (Aceh) pada tahun 1079H/1668M. (Lihat: Liaw Yock Fong, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, Singapura, Pustaka Nasional, 1978, hlm. 132; Hj. Muhammad Bukhari Lubis, "Pengaruh Bahasa dan Sastera Parsi Serta Hubungannya Dengan Pemikiran Saidina 'Ali Terhadap Masyarakat Melayu: Suatu Perspektif Sejarah," kertas kerja di Seminar Nahj al-Balaghah, Maktab Kerjasama Malaysia, P. Jaya 29/2-1/3 1992, hlm. 20; R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, hlm. 88; hlm. 101.

63. Dalam beberapa buah kitab Jawi disebutkan bahawa Nur atau cahaya itu digambarkan dalam bentuk seekor burung merak yang diciptakan pula daripada permata putih. Kemudian Allah menjadikan sebatang pokok iaitu *al-muttaqin* untuk menempatkan burung merak itu. Ia memuji-muji Allah selama 70 000 tahun. Selepas itu, Allah menjadikan cermin di hadapannya dan apabila burung merak itu melihat gambaran dirinya, ia merasa malu dan mulai berpeluh.

Hubungan tasawwuf tariqat dengan ajaran dan pengaruh Syi'ah terbukti menerusi konsep salasilah, *njal al-ghaib*, Imam al-Mahdi, wali dan karamah.<sup>64</sup> Berhubung dengan konsep salasilah, dikatakan telah menjadi sifat bagi tasawwuf tariqat untuk menghubungkan syaikh-syaikh mereka dengan 'Ali bin Abi Talib, Imam pertama Syi'ah.<sup>65</sup> Contohnya, Tariqat Naqsyabandiyyah menghubungkan salasilah keturunan kerohanian mereka kepada Nabi Muhammad (s.a.w) menerusi 'Ali (a.s). Bentuk ini dikatakan adalah daripada versi Syi'ah ataupun yang diterima oleh kelompok Syi'ah.<sup>66</sup>

---

Titis-titis peluhnya itu bertukar menjadi ruh para nabi, sahabat seperti Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali dan segala sesuatu dalam alam ini. Nur atau cahaya itu kemudian bersujud sebanyak 5 kali dan ia menjadi asal-usul sembahyang 5 waktu setiap hari bagi umat Islam. (Lihat: Nur al-Din al-Raniri, *Bad'al-Khalq al-Samawat wa al-'Ard*, Mekah, 1328H/1910M, hlm. 14; Zayn al-Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kasyf al-Ghaybiyyah*, Singapura, t. t, hlm. 3; Ahmad bin Muhammad Yunus Langka, *Daqiq al-Akhbar*, Pulau Pinang, t. t, hlm. 2-3.)

64. Salah seorang ulama Ahl al-Sunnah iaitu Sulayman bin Ibrahim al-Qanduzi al-Hanafi (1220-1293H/1805-1876M) telah mengemukakan sumber-sumber Nur Rasulullah (s.a.w) daripada Ahmad bin Hanbal, *Musnad*, Mir Sayyid 'Ali Hamadani Faqih al-Syafi'i, *Mawaddat al-Qurba*; Ibn Maghazili al-Syafi'i, *Manaqib*, al-Hamwaini, *Fara'id al-Simtain*, al-Khwarizmi, *Manaqib* dan Muhammad bin Talhah al-Syafi'i, *Matalib al-Su'al fi Manaqib Al al-Rasul*. Lihat *Yanabi' al-Mawaddah fi Syama'il al-Nabi wa al-Fada'il Amir al-Mu'minin 'Ali*, Qum, Iran, Maktabat al-Muhammadi, 1385/ 1944, hlm. 9-11.

65. Di Singapura, keramat atau makam Habib Noh dikatakan berasal daripada Syi'ah Imamiyyah. Lihat Abdul Khalid bin Hj. Osman, Kepercayaan Keramat di Pulau Besar Melaka: Dari Perspektif Islam, Latihan ilmiah J. P. I, 1984/85, hlm. 9.

66. Fazlur Rahman, *Islam*, hlm. 156; S. H. Nasr, *Living Sufism*, hlm. 96. Sebagai contoh, Tariqat Syattariyyah dikatakan diasaskan oleh 'Abdullah Syattar, namun masih dihubungkan silsilahnya sampai kepada tokoh-tokoh Sufi yang terkenal seperti Yazid al-Bistami, Ja'far al-Sadiq dan Muhammad al-Baqir. Muhammad al-Baqir mengambil tariqat ini daripada Zayn al-Abidin menerimanya daripada Ibn Fatimah, iaitu Husayn al-Syahid. Al-Syahid pula mendapat anugerah daripada Imam 'Ali bin Abi Talib yang menerimanya secara langsung daripada Nabi Muhammad (s.a.w). Nabi Muhammad (s.a.w) pula langsung menerima daripada malaikat Jibril (a.s). Lihat A. Hasjmy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam ke Indonesia*, hlm. 341; G. E. Marrison, "Persian influence in Malay life," dlm. JMBRAS, Singapore, Malaya Publishing House Ltd, 1955, XXVIII, hlm.

Tariqat 'Alawiyyah yang wujud di Malaysia agak berbeza dengan tariqat lain. Keutamaan mereka adalah salasilah keturunan sayyid yang berasal daripada 'Ali seterusnya kepada Nabi (s.a.w). Pada hakikatnya, kebanyakannya pengasas tariqat termasuk 'Alawiyyah adalah terdiri daripada keturunan sayyid.

Berhubung dengan konsep *rijal al-ghaib*,<sup>67</sup> kepercayaan ini dikatakan umum setelah golongan Syi'ah gagal merebut kekuasaan daripada Kerajaan Banu Umaiyyah lalu mereka membentuk kerajaan batin sementara menunggu kedatangan Imam al-Mahdi. Sebagai sebuah kerajaan halus, ia juga mempunyai hierarki kepimpinan menurut susunan tertentu seperti terdapatnya orang-orang yang disebut *Qutb, Ghauth, Abdal, Awtad, Nujaba'* dan lain-lain. Kepercayaan ini juga menjadi pegangan para pendokong tasawwuf tariqat di Aceh seperti Nur al-Din al-Raniri, 'Abd al-Rauf Fansuri, Jalal al-Din al-Tursani.

Di Kelantan, Tariqat Syaziliyyah yang disebarluaskan oleh Wan 'Ali bin Abu al-Rahman al-Kelantani (1253 - 1330H/1837 - 1912M) selaku pengasasnya di Kota Bharu, dalam kitabnya *Majmu' al-Qasa'id wa al-Awaid*, turut mengcupas kedudukan dan tugas para wali yang merupakan *rijal al-ghaib*. Perkara ini mungkin juga bertitik-tolak daripada fahaman Syi'ah tentang Imam yang *ghab*<sup>68</sup>

Konsep perantaraan manusia dengan Allah dan tentang kedatangan penyelamat yang dinanti-nantikan juga sangat penting bagi pengikut Syiah. Setelah kerana itu, selepas Nabi (s.a.w) harus ada para Imam yang bertindak sebagai orang perantara antara manusia dengan Allah daripada generasi selepasnya. Kemudian harus ada pula seorang penyelamat atau *al-Mahdi*<sup>69</sup> yang akan menyelamatkan dunia daripada kesesatan dan dia merupakan Imam ke-12 yang masih berada di alam *ghaib*.<sup>70</sup> Dalam persoalan berkait dengan konsep ini,

67. S. Naquib al-Attas, *Some Aspects of Sufism as Understood and Practiced among the Malays*, Singapore, Malaysian Sociological Research Institute, 1963, hlm. 31, 42-43.

68. *Ibid.*, hlm. 32.

69. I. P. Petrushevsky, *Islam in Iran*, hlm. 217.

70. S. H. Nasr, *Living Sufism*, hlm. 54. Di Sumatera, dikatakan pengaruh tentang Imam al-Mahdi yang akan datang sebagai penyelamat agama daripada keturunan 'Abu Bakar al-Talib telah pun wujud. Lihat: Drs. H. A. Moerad Oesman, *Sosroh Nasir dan Berkembangnya Islam ke Indonesia*, hlm. 489.

71. Di Indonesia, kepercayaan ini terdapat di kalangan suku-suku bangsa Indonesia terutama suku Jawa dan Bugis. Lihat Hamka, *Dari Perbendaharan Laut*, hlm. 15.

dengan segala keistimewaannya juga dapat dihubungkan dengan kedudukan Imam bagi golongan Syi'ah.<sup>72</sup>

### Bidang 'Ilm al-Kalam

Dalam bidang *usul al-din*, khususnya dalam perbahasan agama yang terdapat dalam naskhah-naskhah Melayu lama, jelas kelihatan bukan sahaja pengaruh Sunnah tetapi pengaruh-pengaruh daripada aliran pemikiran atau mazhab lain termasuk Syi'ah juga ditonjolkan.<sup>73</sup> Bagaimanapun, para pengkaji pemikiran Islam di rantau ini seolah-olah "tidak mengiktiraf" kewujudan pengaruh ajaran Syi'ah dalam pemikiran orang Melayu. Justeru itu, mereka kurang prihatin terhadap sejarah kemunculan pengaruh ajaran Syi'ah di rantau ini.

### Upacara perayaan

Di Nusantara, pembacaan kisah-kisah kelahiran Nabi (s.a.w) (*Mawlid al-Nabi*) memang sering dibacakan di kalangan tariqat pengikut sufi sejak abad ke-13/19M. Karya-karya maulid Nabi yang sangat terkenal ialah *Qasidah al-Burdah* yang ditulis oleh al-Busiri (604 - 695H/1208 - 1296M) dan juga *Mawlid al-Nabi* oleh al-Barzanji (m. 1179H/1766M). Dalam kedua-dua karya tersebut, doktrin Nur Muhammad turut mendapat perhatian mereka. Contohnya, dalam *Qasidah al-Burdah*, salah satu baitnya bermaksud:

"Tanda-tanda kenabian yang dibawa oleh para nabi yang mulia itu sesungguhnya masih berhubungan dengan Nur Muhammad. Nabi-nabi yang lain adalah bintang-kemintangnya dan suria inilah yang menampakkan cahayanya bagi manusia di dalam kegelapan."<sup>74</sup>

72. Sulayman al-Qanduzi al-Hanafi telah memberikan penjelasan terperinci tentang Imam al-Ithna 'Asyar (12) dengan menyebutkan nama-nama mereka sekaligus. Beliau juga menerangkan konsep al-Mahdi yang dipetik daripada pelbagai sumber Islam yang sahih. Lihat *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 440-449; S. H. Nasr, *Islam Dalam Nestapa Manusia Modern*, Bandung, Penerbitan Pustaka, 1983, hlm. 173.

73. S. H. Nasr, *Living Sufism*, hlm. 93-95.

74. Mahayuddin Yahya, "Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam Dalam Konteks Melayu," hlm. 4.

Dalam karya *Mawlid al-Nabi* oleh al-Barzanji, ditemui pada bait berikut yang bermaksud:

"Kupohonkan semoga Allah cucurkan rahmat dan selamat kepada Junjungan, yang Nurnya mula-mula dijadikan Allah di alam yang nyata. Nur berpindah-pindah daripada keturunan demi keturunan yang kesemuanya keturunan yang mulia."<sup>75</sup>

Berhubung dengan aspek perayaan (*Mawlid*), Kerajaan Bani Buwayh<sup>76</sup> dan Fatimiyyah mengadakan perayaan untuk mengingati peristiwa-peristiwa tertentu. Pada zaman Kerajaan Fatimiyyah, tarikh 10 Muharram (sempena dengan syahidnya al-Husayn bin 'Ali) dianggap sebagai hari berdukacita, dengan disajikan beberapa jenis makanan dan para penyair pula memperdengarkan syair-syair sedih.<sup>77</sup> Perayaan lain yang disambut ialah Mawlid Nabi, 'Ali, Fatimah, Hasan, al-Qa'im bi-amri'llah (*al-Hujjah* atau *Sahib'l-zaman*).

Perayaan 10 Muharram dan Tabut Hasan dan Husayn menunjukkan pengaruh Syi'ah wujud di Nusantara. Di Sumatera (Pariaman) dan Padang<sup>78</sup>, istilah "Tabut" yang dibuat seperti tandu pada setiap 10 Muharram (hari 'Asyura) telah dikenali. Dalam perayaan mereka mengusungnya beramai-ramai sambil menyebut Oyak - Osen (Hasan - Husain) dengan suara yang kuat, iaitu nama dua orang cucu Rasulullah (s.a.w) daripada puterinya, Fatimah al-Zahra', isteri 'Ali bin Abi Talib yang menjadi imam pertama Syi'ah.

75. Hj. Muhammad Bukhari Lubis, *Qasidahs in Honor of the Prophet*, Bangi, Selangor, Penerbit U. K. M, 1983, hlm. 85-86.

76. Lihat: Hj. Jamaluddin Hashim, *Barzanji Arab - Melayu*, Johor Bharu, Lembaga Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1981, hlm. 8. (Sebenarnya kedudukan persoalan ini telah diakui kesahihannya oleh para ulama Islam. Lihat: Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-Karim*, al-Qahirah, t.t., III, hlm. 352; Qadi 'Iyad bin Musa, *al-Syifa' bi-Ta'rif Huquq al-Mustaf'i*, al-Dimasyq, t.t., I, hlm. 328; al-Diyarbakri, *Tarikh al-Khamis fi Akhwal Anfis Nafis*, Beirut, t.t., I hlm. 56; al-Suyuti, *Khasa'is al-Kubra*, al-Qahirah, 1967, I, hlm. 92-94; Zaini Dahlan, *al-Sirat al-Nabawiyyah wa Al-Aثار al-Muhammadiyyah*, Beirut, t.t., I, hlm. 33.)

77. Pada zaman Bani Buwayh sekitar tahun 352H/963M pada masa pemerintahan Mu'iz al-Dawlah, upacara perkabungan al-Husayn dan perayaan Ghadir Khum dijalankan. Lihat W. M. Watt, *The Majesty That Was Islam: the Islamic World, 661-1100*, Sidgwick and Jackson, 1974, hlm. 213.

78. Ahmad Shalaby, *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*, (terj.) Singapura, Pustaka Nasional, 1971, hlm. 203-204.

Dalam sejarah Islam, tarikh 10 Muharram ini mengandungi dua peristiwa penting, antaranya terdamparnya bahtera Nabi Nuh (a.s) dan kedua, hari 'Asyura, ketika umat Islam digalakkan berpuasa. Bagaimanapun, hari kesyahidan Husain bin 'Ali bin Abi Talib di padang Karbala' merupakan peristiwa yang paling istimewa, dan kerana itu pengikut Syi'ah menjadikan 10 Muharram sebagai hari perkabungan.

Di Jawa dan Makasar, bubur '*Asyura*' atau *suro*, lambang dari hari perkabungan juga telah diketahui. Dikatakan Sultan Agung Hanjokro Kusumo Mataram menukar tahun Saka-Jawi dan menyesuaikannya dengan tahun Hijrah dan menamakan bulan pertama sebagai bulan *suro*. Di samping itu, seorang pujangga Minang bernama Baginda Malim telah mengarang sebuah buku syair berjudul *Hikayat Hasan Husayn Berperang Dengan Raja (Ba) Yazid*. Ia dinyanyikan oleh golongan wanita muda terutama pada 10 Muharram.<sup>79</sup>

Di Burma, pengikut Syi'ah di Amarapoora mengadakan upacara *ta'ziyah* yang merupakan perayaan terbesar pada bulan Muharram di Imambara mereka.<sup>80</sup> Di Arakan, penduduk Islamnya bermazhab Sunni tetapi mereka turut mengamalkan beberapa tradisi Syi'ah di kalangan mereka. Masjid Mogul merupakan pusat perhimpunan dalam upacara perayaan bulan Muharram. Pada hari Asyura, doa dibaca dan pengajaran tentang peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Karbala dijelaskan.<sup>81</sup>

### Jampi-mentera dan Doa

Pengaruh Syi'ah juga dapat dikesan dalam tradisi jampi-mentera<sup>82</sup>, khususnya kepada 'Ali dan Fatimah<sup>83</sup>. Contohnya, orang Melayu mengucapkan kata-kata berikut dalam usaha mereka untuk menolak penyakit berjangkit, taun dan seumpamanya:

---

79. Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, hlm. 112-117.

80. *Ibid.*

81. Moshe Yegar, *The Muslims in Burma*, hlm. 14.

82. *Ibid.*, hlm. 44.

83. Engku Ibrahim, "Pengaruh Syi'ah - Parsi Dalam Sastera Melayu," hlm. 3-4.

*"Li-khamsatin utfi'u bi-ha harra al-waba' al-hatima al-Mustafa wa al-Murtada  
wabna-huma wa al-Fatimah."*

Terjemahannya adalah seperti berikut:

"Bagiku lima orang, dengannya aku padamkan penyakit, iaitu Nabi yang terpilih, 'Ali yang diredhai, kedua-dua anak mereka (Hasan dan Husayn) dan Fatimah."

### Doa

Dalam doa pula, perkataan-perkataan berikut selalu disebutkan beriringan:

*"Salli 'ala Muhammad wa Al Muhammad,"* yang bermaksud salawat ke atas Nabi Muhammad (s.a.w) dan keluarga (*Al*) Nabi Muhammad.

Untuk mendapatkan kekuatan fizikal yang luar biasa, orang Melayu mengucapkan perkataan berikut:

*"Bismi-llah al-rahman al-rahim,  
Urat batu, manikam batu,  
Batu ditikam, batu belah,  
Papan ditikam, papan timbus,  
Air ditikam, air kering,  
Bumi ditikam, bumi tembok,  
Rumput ditikam, rumput layu,  
Gunung ditikam, gunung runtuh,  
Langit ditikam, langit runtuh,  
Tegak berdiri di halaman 'Ali,  
Sifat aku sifat Allah,  
Sifat di dalam kandang kalimah,  
*La ilaha illa Allah,*  
Hu Allah ! Hu Allah !  
Lesong besi, anak tembaga,  
Ah, kuat aku seperti Baginda 'Ali,  
Gagah aku seperti Ummi Fatimah,*

Aku besi, tulang aku tembaga,  
 Aku bernama Harimau Allah,  
 Hah, Berkat *La ilaha illa Allah*.<sup>84</sup>

### Ratib (*Rawatib*)

Dalam setiap ratib kenduri arwah pula, orang Melayu tidak pernah meninggalkan pembacaan ayat al-Qur'an berikut:

*"... Innama yuridu-llah li-yudhhiba 'an-kum al-rijsa Ahl al-Bayt wa yutahhiru-kum tathira."*<sup>85</sup>

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah menghendaki supaya menghilangkan kekotoran daripadamu, Ahl al-Bayt dan supaya membersihkan kamu sebersih bersihnya.<sup>86</sup>

Dalam amalan ratib (*rawatib*) *Samman*<sup>87</sup>, semua qasidah dan nasyid dilakukan dalam bahasa Arab kecuali dua baris terakhir dalam ayat berikut semasa melakukan *dhikr* kelima belas, yang ditukarkan oleh orang Melayu seperti berikut:

" Al-Hasan thumma al-Husayn ibu 'Ali Fatimah ya aini,

84. R. O. Winstedt, *The Malay Magician: Being Shaman, Saiva and Sufi*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1982, hlm. 83.

85. Walter William Skeat, *Malay Magic*, New York, 1967, hlm. 653; Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, hlm. 170.

86. *Al-Qur'an*, surah al-Ahzab (33): 33.

87. Berdasarkan keseluruhan sumber tafsir, hadith dan sejarah, para ulama sepakat mengatakan bahawa Ahl al-Bayt yang dimaksudkan dalam ayat al-Qur'an di atas merujuk kepada Nabi Muhammad (s.a.w), 'Ali bin Abi Talib, Fatimah al-Zahra', Hasan dan Husayn (a.s). Lihat Sadiq Husayn al-Syirazi, *Ahl al-Bayt fi al-Qur'an*, hlm. 244-248.

Muhammad rasul Allah Amir Husayn sabil Allah,  
 Al-Hasan thumma al-Husayn anak cucu rasul Allah ya 'aini,  
 Mati Hasan tinggal Husayn mati berperang sabil Allah."<sup>88</sup>

### Ilmu Falak (Astrologi)

Pengarang kitab *Taj al-Mulk*, Syaikh 'Abbas (m.1313H/1895M) di Aceh memetik Ja'far al-Sadiq daripada *Ahl al-Bayt* (Imam ke-6 Syi'ah Imamiyyah) sebagai sumber maklumat yang diakui kebenarannya berhubung dengan aspek-aspek ilmu astrologi<sup>89</sup>.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa perkembangan aliran pemikiran Syi'ah di Nusantara (Alam Melayu) adalah didorong oleh dua faktor terbesar:

Faktor pertama adalah kerana mereka berusaha menghindarkan diri daripada tekanan, penindasan dan kezaliman yang ditimpakan ke atas mereka oleh para pemerintah dalam dunia Islam umumnya, khususnya Bani Umayyah dan 'Abbasiyah. Faktor kedua adalah kerana mereka pada masa yang sama ingin menyebarkan ajaran Islam yang mereka warisi daripada Rasulullah (s.a.w.) dan *Ahl al-Bayt*.

Dari segi pengaruh mereka tidaklah begitu ketara. Kelihatan bidang kesusasteraan, tasawwuf dan perubatan tradisional sahaja yang lebih menonjolkan pengaruh mereka, manakala aspek-aspek lain adalah terbatas dan sukar untuk dipastikan.

88. *Ratib Samman* diasaskan oleh Syaikh Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Sammani al-Ma'ani dari Madinah di antara tahun-tahun 1700 dan 1750. Dikatakan ratib ini popular di kawasan kepulauan timur, khususnya di Sumatera pada abad ke-12H/18M. ketika Tariqat Syattariyyah menjadi ikutan dan pegangan di sana. (Lihat S. Naquib al-Attas, *Some Aspects of Sufism as understood and practised among the Malays*, hlm. 78.)

89. *Ibid.*, hlm. 87. Winstedt mengatakan bahawa banyak jampi-serapah orang Melayu ditujukan kepada Imam Syi'ah, 'Ali Ibn Abi Talib.

Dari segi pengaruh mereka tidaklah begitu ketara. Kelihatan bidang kesusasteraan, tasawwuf dan perubatan tradisional sahaja yang lebih menonjolkan pengaruh mereka, manakala aspek-aspek lain adalah terbatas dan sukar untuk dipastikan.

Aliran pemikiran Syi'ah tidaklah meninggalkan kesan yang besar dan mendalam jika dibandingkan dengan mazhab-mazhab lain, bahkan aliran itu beransur-ansur pupus mengikut peredaran masa, khususnya setelah mazhab Sunnah atau Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dapat bertapak kukuh pada abad ke-7H/13M dan mendapat dokongan dan sokongan yang besar daripada kalangan pemerintah dan penduduk di Nusantara.

Tambahan pula, para pemerintah tempatan tidak membenarkan aliran pemikiran ini dan yang seumpamanya (seperti Mu'tazilah) mendapat tempat. Ini kerana perbezaannya dengan mazhab al-Asy'ari (dalam bidang usul al-din) dan al-Syafi'i (dalam bidang fiqh) atau Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang secara umumnya telah diisyiharkan sebagai mazhab negara<sup>90</sup>.

90. Pada zaman keagungan Aceh, pihak pemerintah telah mengisyiharkan aliran al-Asy'ari sebagai mazhab rasmi. Serentak dengan itu mazhab-mazhab lain yang disebutkan sebagai aliran 72 diharamkan kerana dikatakan sesat dan sesiapa yang melanggarinya akan dikenakan hukuman seperti denda, penjara atau buang negeri. Lihat Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, hlm. 108.